



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 7 - 13 OGOS 2025

www.selangorkini.my

Air percuma kekal, syarat dilonggar

Meski tarif baharu berkuat kuasa 1 September, skim air percuma diteruskan, malah syarat layak untuk nikmati kemudahan itu dilonggar kepada isi rumah berpendapatan RM6,000 ke bawah

MUKA 3

Warisan Orang Asli diiktiraf dunia

Seni ukiran Mah Meri diiktiraf UNESCO manakala pelbagai kemudahan diberi termasuk pewartaan yang lindungi tanah dari diceroboh selain pendidikan, infrastruktur dan peluang ekonomi

LAPORAN KHAS

MUKA 4



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tengah) dan pimpinan negeri mengibarkan bendera sempena Kempen Kibar Jalur Gemilang dan Majlis Perhimpunan Penjawat Awam di Shah Alam pada 4 Ogos 2025. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ► BERITA MUKA 2

pancawarna

Penjelasan isu sistem Parkir Pintar Selangor

Jawab kekusaran orang ramai soal ketelusan hasil kutipan

6



Ketahui panduan penggunaan bendera

Agong sudah tegur tapi masih ada lagi pihak cuai isu Jalur Gemilang


8&9



Bekas lombong terbiar kini warisan dunia

Komitmen Selangor paku pengiktirafan hutan buatan FRIM dari UNESCO

7



Bincang perkukuh sektor industri

SHAH ALAM - Pengukuhan industri dan pelaburan bagi memangkin pertumbuhan ekonomi Selangor antara agenda utama dibincang bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perbincangan lebih tiga jam itu menyentuh pengisian strategik dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas dan Rancangan Selangor Kedua seperti pembinaan kawasan industri baharu serta pembangunan pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Klang.

Mempengerusikan jawatankuasa penyelesaian industri Selangor 2025 bersama Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz, beliau berkata perbincangan enam kertas kerja itu turut menyentuh aspek urus tadbir seperti kelulusan yang cepat, pantas dan cekap.

"Selangor perlu mengekalkan konsistensi, kemampanan dan kemampuan penghasilan pelaburan yang sekali gus membantu ekonomi Malaysia dan prestasi pelaburan.

"Kita juga bertanggungjawab mengurangkan jurang import dan eksport. Kita berusaha ke arah yang terbaik. Walaupun Selangor negeri pelaburan, kita masih tinggi dari segi import dan ini perlu dibincangkan dengan MITI," katanya pada 4 Ogos.

Sasar bina 200,000 rumah mampu milik

SUBANG JAYA - Kerajaan Selangor mahu membina 200,000 unit rumah mampu milik menjelang 2028 bagi menyokong aspirasi kerajaan persekutuan membina sejuta kediaman sedemikian di seluruh negara.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan lebih 76,000 unit siap dibina setakat ini demi membantu rakyat memiliki rumah yang selesa pada harga mampu milik.

"Kita menyahut saranan perdana penter dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas baru-baru ini untuk membina sejuta rumah mampu milik menjelang 2035.

"Sekarang di Selangor kita telah bina lebih 76,000 unit dan saya yakin kita akan dapat capai sasaran itu dengan tempoh berbaki tiga tahun lagi," katanya pada 2 Ogos.

Tingkat kemudahan rawatan jantung

SUBANG JAYA - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Al-haj berkenan merasmikan Makmal Kateterisasi Jantung Dato' Dr Anuar Masduki di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC).

Makmal kateterisasi berte-knologi tinggi bernilai RM14 juta itu dibangunkan pada Mei sekali gus penanda aras baharu bidang kardiolo-



gi, khususnya rawatan dan penjagaan pesakit jantung.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Bryan Lin memberitahu pembukaan makmal tersebut cerminan komitmen berterusan SJMC dalam menyediakan rawatan bertaraf antarabangsa kepada seluruh rakyat.

Beliau menjelaskan pembinaan makmal yang dirasmikan sempena

ulang tahun ke-40 penubuhan pusat perubatan itu juga penghargaan atas sumbangan Allahyarham Dr Anuar dalam bidang kardiologi.

"Warisannya diteruskan melalui ramai doktor yang telah beliau bimbing dan pesakit yang kehidupannya berubah hasil rawatannya," katanya pada 2 Ogos.

Allahyarham antara pakar kardiologi peribadi kepada Sultan Selangor sebelum menghembuskan nafas terakhir pada usia 79 tahun.

Reformasi sistem penyampaian, tadbir urus

Tumpu pengurusan cekap, berkesan

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Reformasi Sistem Penyampaian dan Tadbir Urus Negeri Selangor (RSTU) diperkenalkan sebagai pemacu utama pelaksanaan dasar negeri sekali menyelaras dasar kerajaan persekutuan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kerangka berkenaan memberi tumpuan kepada lima matlamat supaya sistem penyampaian dan tadbir urus lebih cekap dan berkesan.

"Supaya hasilnya lebih pantas tetapi pada masa sama mengikut tatakelola

sewajarnya. Kerangka ini fokus kepada penyampaian lebih cepat dan efektif serta mengekalkan integriti," katanya.

Berucap dalam majlis perhimpunan penjawat awam dan kempen kibar Jalur Gemilang pada 4 Ogos, beliau menjelaskan ada lapan fokus strategik reformasi menerusi sistem berkenaan.

Katanya, ia meliputi tadbir urus dan integriti, reformasi penyampaian, pemecahan budaya silo dan reformasi aduan, modal insan berdaya, pemer-kasaan akar umbi, pengukuran dan pemantauan program serta penilaian berasaskan hasil.

Sementara itu, Setiausaha Kerajaan

Negeri Dato' Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin berkata inisiatif tersebut dibuat berdasarkan pendekatan yang disesuaikan mengikut keperluan negeri.

Menurutnya, ia manifestasi komitmen negeri terhadap Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam dalam Deklarasi Kuala Lumpur-Tekad Bersama Perkhidmatan Awam Malaysia pada November tahun lalu.

"Bukan sekadar dasar baharu atau pelan tindakan, ia pemacu utama pelaksanaan semua dasar Kerajaan Negeri dan bertindak sebagai penyelaras pelaksanaan dasar kerajaan pusat," katanya.

Teroka rakan pelaburan projek rel

SHAH ALAM - Projek Jajaran Rel Kita Selangor kini memasuki fasa meneroka strategi pembiayaan dan mencari rakan pelaburan bagi memastikan pelaksanaannya berjalan secara mampan serta memberi manfaat maksimum kepada rakyat.

Dato' Menteri Besar berkata perbincangan bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri dan perunding yang dilantik, HSS Integrated Sdn Bhd bagi membincangkan potensi kerjasama dalam pelan jangka panjang, yang bakal memperkukuh rangkaian pengangkutan

awam di Selangor.

"Sistem rel ini dirancang bagi menghubungkan kawasan utama di negeri itu dengan jaringan moden yang mesra pengguna, termasuk sambungan terus ke Taman Aero Selangor sebagai hab penerbangan dan logistik masa depan.

"Pembangunan ini dijangka mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui pengangkutan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi dengan meningkatkan mobiliti tenaga kerja dan pelaburan. Ia juga menjadi asas penting dalam perancangan dan pelak-

sanaan teknikal fasa-fasa seterusnya," kongsi Dato' Seri Amirudin Shari di Facebook.

Beliau berkata pentadbiran negeri komited memperkukuh ekosistem pengangkutan awam yang bersepadu dan inklusif, merangkumi kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar agar manfaatnya dapat dirasakan secara menyeluruh.

Pembinaan Jajaran Rel Selangor dijangka mengambil masa sehingga 10 tahun yang akan dilaksanakan berperingkat melibatkan pelbagai fasa.

Pembeli terima semula bayaran prinsipal

SUBANG JAYA - Seramai 206 pembeli Rumah Selangorku Residensi Jaya menerima semula bayaran pokok pinjaman (prinsipal) RM4.2 juta selepas projek kediaman tersebut dibatalkan pemaju.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah memberitahu projek berkenaan tidak dapat diteruskan selepas diisytiharkan terbengkalai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 2022.

"Ini adalah hari yang bersejarah dan satu kejayaan besar kepada Kerajaan Negeri kerana kita dapat pulangkan semula deposit mereka antara RM2,100 hingga RM25,500.

"Hari ini secara rasminya kita pulangkan semula deposit mereka. Rata-rata mereka sudah beli



kediaman lain. Kami juga sudi bantu mereka yang belum beli rumah lagi," katanya pada 2 Ogos.

Projek Residensi Jaya di Cheras menerima Kelulusan Merancang pada 2016 dan menawarkan 388 unit pang-sapuri pada harga jualan antara RM200,000 hingga RM250,000 seunit.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Selaras tarif mulai 1 September

Caj air pengguna domestik kekal

SHAH ALAM - Kadar caj air bagi 20 meter padu (m^3) pertama untuk pengguna domestik kekal RM0.65 setiap meter padu meski pelarasan tarif baru berkuat kuasa 1 September.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu langkah itu bertujuan melindungi kebajikan penduduk khususnya kumpulan berpendapatan rendah daripada beban kos tambahan.

"Ini bermaksud tiada peningkatan kerana kadar ini telah diselaras pada Februari 2024. Caj minimum RM6.50 juga dikekalkan bagi pengguna domestik," katanya dalam kenyataan pada 1 Ogos.

Beliau juga menjelaskan kadar baharu rumah kos rendah hanya meningkat RM0.10 kepada RM1.18 setiap meter padu, jauh lebih rendah berbanding kadar purata pelarasan.

Pelarasan mengikut penggunaan

20–35 m^3 naik RM0.30 kepada RM1.62/ m^3 manakala kegunaan lebih 35 m^3 meningkat RM0.88 kepada RM3.51/ m^3 bertujuan menggalakkan penggunaan secara berhemah.

Caj bagi kondominium, kuarters eset dan kerajaan naik RM0.41 kepada RM2.09/ m^3 sementara caj minimum bulanan RM173 kekal untuk kondominium dan RM20.90 untuk kuarters kerajaan dan eset.

Dalam perkembangan berkaitan, Amirudin berkata had pendapatan isi rumah layak menerima Skim Air Darul Ehsan (SADE) dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan mulai bulan depan.

Beliau memaklumkan peluasan manfaat RM13 sebulan bagi setiap akaun itu diikhtirakan ekoran kelulusan kenaikan tarif air bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Menurutnya, penduduk berpendapatan RM6,000 sebulan dan memerlukan bantuan air percuma boleh mendaftar mulai 8 Ogos melalui pautan www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/

"Untuk memberi tempoh persediaan sewajarnya bagi semua pengguna, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersetuju bahawa kadar ini berkuat kuasa mulai 1 September 2025," katanya lagi.

Amirudin memaklumkan lebih 1.3 juta penduduk di Selangor yang menerima manfaat SADE sedia ada bakal terus menikmati bantuan air percuma pada nilai sama seperti sekarang.

Negeri menampung peningkatan caj bekalan air di semua rumah ibadat dan institusi kebajikan seluruh negeri pada anggaran RM100,000 setahun.

► INFOGRAFIK MUKA 5

Elak kos operasi niaga meningkat

SHAH ALAM - Bagi memastikan kos operasi air tidak meningkat mendadak, pengguna bukan domestik dikenakan kadar caj sama seperti pengguna domestik, kata Dato' Menteri Besar.

Menurut Dato' Seri Amirudin Shari, langkah berkenaan dibuat kerana pentadbiran negeri bersungguh-sungguh untuk mencapai keseimbangan antara perusahaan komersial dan pengguna domestik.

Katanya, caj ruang komersial dan bangunan bukan domestik beralih iaitu sama dengan pengguna domestik, melebihi 35/meter padu (m^3) iaitu RM3.51/ m^3 , naik 57sen setiap m^3 .

"Penggunaan melebihi 35 m^3 pula akan ditetapkan caj sebanyak RM3.83/setiap meter padu melebihi 35 m^3 ," katanya dalam kenyataan.

Beliau juga menjelaskan kategori rumah ibadat dan institusi kebajikan terus menikmati caj paling rendah dengan peningkatan 10sen/meter padu kepada 76sen/meter padu.

Tambah Amirudin, caj sektor perkapalan pula beralih 93sen/meter padu kepada RM8.01 bagi setiap meter padu mengambil kira peningkatan guna air industri berkenaan.

Bagi kategori baharu iaitu pusat data, Kerajaan Negeri menerima keputusan jemaah menteri untuk mengenakan kadar RM5.31/setiap meter padu.

UTOPIA
EAST

KEDAI PEJABAT STRATA 2 TINGKAT

Selamat datang ke UTOPIA EAST - destinasi komersial terbaik untuk mengembangkan perniagaan anda! Kedai pejabat strata ini direka khas untuk memenuhi pelbagai keperluan perniagaan anda dengan menawarkan persekitaran yang versatil bagi merealisasikan visi keusahawanan anda.

Harga Bumiputera Bermula Daripada

RM3,607,200*

(Selepas 10% Diskaun Bumiputera)

Unit Terhad | Saiz 3,065 k.p.s

LOKASI STRATEGIK | PELUANG KEPELBAGAIAN PERNIAGAAN | PUSAT HAB KOMERSIAL

Gambaran artis sahaja

ECOWORLD
CREATING TOMORROW & BEYOND

ecoworld.my / +603 3270 2525

Paragon Pinnacle Sdn Bhd ((201401022036 (1098122-T))
EcoWorld Gallery @ Eco Grandeur
Lot 6232, Persiaran Mokhtar Dahari, Eco Grandeur, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor

Penafian: Maklumat yang terkandung dalam iklan ini tertakluk pada perubahan dan tidak boleh membentuk sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua lukisan realistik adalah gambaran pelukis sahaja. Semua ukuran adalah anggaran. Walaupun sewaktu penyediaan iklan semua perhatian sewajarnya telah diberikan, pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat ketidaktepatan. Semua item di atas adalah tertakluk pada ubahan, ubah saian dan penggantian yang mungkin diperlukan oleh Pihak-pihak Berkusasa atau disyorkan oleh Arkitek atau Jurutera. *Tertakluk pada terma dan syarat.

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR & DEWI ABDUL RAHMAN

PEMBANGUNAN masyarakat Orang Asli giat dilaksana negeri dan persekutuan bagi memastikan keselesaan berterusan golongan berkenaan tanpa mengeneipkan perihai hak, budaya dan warisan.

Dengan peruntukan kebajikan RM1 juta dan RM50,000 untuk pembangunan kemudahan serta sosial di setiap kampung pada tahun ini, pelbagai program disusun bagi memastikan mereka kekal berdaya saing dalam arus globalisasi yang kian mencabar.

Lebih membanggakan, Orang Asli turut berani meneroka era pendigitalan khususnya dalam bidang perniagaan selain mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Ikuti lebih banyak pendedahan menarik dalam portal selangorkini.my



Lampu solar tingkat keselamatan

SHAH ALAM - Sebanyak 19 unit lampu solar dipasang di tiga Kampung Orang Asli (KOA) di Selangor baru-baru ini bagi mempertingkatkan kemudahan asas dan keselamatan penduduk.

EXCO Hal Ehwal Orang Asli V Papparaidu berkata inisiatif berjumlah RM40,000 itu melibatkan KOA Sungai Garing di Batang Kali, KOA Bukit Bangkong dan KOA Sungai Belankan di Sepang.

"KOA Sungai Garing menerima enam unit lampu solar dengan kos RM19,976, manakala KOA Bukit Bangkong dan KOA Sungai Belankan menerima 13 unit dengan peruntukan RM19,610.

"Inisiatif ini bertujuan menambah baik pencahayaan perkampungan serta menjamin keselamatan penduduk," katanya baru-baru ini.

Papparaidu turut memaklumkan pemasangan 12 unit lampu solar di dua kampung lain sedang menunggu kelulusan, manakala enam unit lain dalam proses permohonan.

Beliau menjelaskan KOA Donglai Baru di Hulu Langat dan KOA Gurney, Hulu Selangor masing-masing dijangka menerima enam unit sementara KOA Bukit Dugang, Sepang turut memohon kemudahan sama.

Warta kampung, pelihara hak komuniti

SEPANG - Usaha berterusan memartabat masyarakat Orang Asli menunjukkan hasil positif kepada masyarakat setempat, kata tok batin Kampung Orang Asli (KOA) Jambu, Bakok dan Kelinsing, Sepang.

Menurut Rosmaini Baat, ini-siatif itu antaranya pewartaan yang melindungi milikan tanah Orang Asli dari diceroboh, akses pendidikan, kemudahan, peluang ekonomi dan pemeliharaan budaya.

"Banyak berubah dari dulu. Dua kampung bawah jagaan saya iaitu Bakok dan Kelinsing sudah diwarta, beri jaminan penempatan kami. Selama ini, kawasan kami tidak ada jaminan."

"Dari segi kemudahan (juga) banyak antaranya pengangkutan (untuk murid),



bantuan rumah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), jalan dan pasang 15 lampu solar," katanya kepada Media Selangor.

Menjelaskan ada kira-kira 350 isi rumah di ketiga-tiga KOA seliaannya, beliau berkata, Kelinsing dipilih Kampung Angkat Madani berdasarkan penglibatan penduduk dalam pelbagai aktiviti.

"Pelbagai pakej pelancongan yang memperkenalkan budaya Orang Asli seperti tarian, makanan tradisional dan kraftangan sejak 2018 membantu penduduk menjana pendapatan sampingan," katanya.

Beliau berkata kerajaan turut menubuh

Pusat Sebaran Maklumat Nasional di KOA Kelinsing yang menyediakan kemudahan internet dan latihan kemahiran untuk mengecilkan jurang digital.

Hasil peningkatan kemudahan, Rosmaini turut berharap suntikan dana tambahan dalam bidang perniagaan dihulur bagi memperluas lagi jualan produk kraftangan tempatan.

Sementara itu, penduduk KOA Kelinsing Jati Licur, 48, bersyukur menerima kediaman baharu menerusi Program Bantuan Bina Baru Rumah Orang Asli Selangor.

"Saya gembira. Dulu saya tidak merasa rumah seperti ini. Dulu rumah pondok dari papan, atap pun pakai kanvas khemah apabila hujan bocor. Bantuan ini membantu keluarga saya."



Dari Pulau Carey ke Paris

Ukiran Mah Meri mendunia

SHAH ALAM - Di sebalik tanggapan masyarakat Orang Asli terpinggir daripada arus kemajuan, suasana berbeza di Selangor hasil kejayaan pelbagai bidang termasuk pemeliharaan budaya dan warisan.

Kejayaan A Samri Abdul Rahman, pakar ukiran patung dan topeng kayu dari etnik Mah Meri, membuktikan peluang dan sokongan kerajaan mengangkat warisan budaya ke peringkat dunia.

Kira-kira 30 tahun lalu, pengukir berusia 50 tahun itu merintis pengalaman seni ukiran kayu daripada bapa saudaranya. Tanpa diduga kemahiran tersebut membawanya menjelajah dunia.

"Dulu baring-baring di luar rumah, nampak kapal terbang lalu teringin hendak naik. Teringin memang ada tapi tidak kesampaian. Hendak naik kapal terbang mahal.

"Tak sangka pula (dengan mengukir) saya dapat pergi Paris. Selepas itu, Thailand, China, Paris, London dan terkini Osaka, Jepun. Bukan sekali, saya ke London



dan Paris dua kali.

"Saya seronok lihat negara orang, kita dapat promosi produk di luar negara supaya pelancong datang ke Malaysia," kata anak kelahiran Kampung Orang Asli Sungai Bumbun, Kuala Langat.

Sebelum ini, patung ukiran A Samri menggunakan kayu hutan paya bakau jenis nyireh batu pernah terjual sehingga RM5,000, kebanyakannya dibeli pelancong asing ketika pameran.

Katanya, seni ukir etnik Mah Meri yang diiktiraf Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu membawa motif sauh, naga dan harimau, lambang kekuatan serta perlindungan.

Diiktiraf Adiguru Kraf oleh Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, A Samri berkata sokongan kerajaan membantunya mengorak langkah sekali gus berpeluang memelihara warisan nenek moyang.



Kisah Nur Liah Asul, 37, yang melangkah ke kamar mahkamah sebagai peguam pula membuktikan keberanian keluar daripada zon selesa berserta dorongan yang tepat mampu mengubah masa depan.

Anak kelahiran etnik Temuan itu kini kerap berkongsi motivasi dan kesedaran di sekolah dan kampung sekitar, khususnya kepada ibu bapa serta anak-anak muda.

"Setiap kali saya buat perkongsian, saya cakap pada anak muda, sambung belajar, tiada masalah. Jika ada kekangan kewangan, sekarang sudah ada biasiswa.

"Pelbagai bantuan kerajaan sediakan. Saya dapat bantuan biasiswa selain bantuan sekali bayar Yayasan Selangor," katanya yang berasal dari Kampung Orang Asli Pulau Kempas, Banting.

Katanya, kerajaan perlu mempergiat program turun padang ke perkampungan supaya Orang Asli lebih berani menyahut cabaran pendidikan kerana kekangan sebenar terletak pada kesedaran.

WAKTU SOLAT

7 - 13 OGOS 2025

13 - 19 SAFAR 1447H

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
07 Khamis	5:51	6:01	7:11	1:22	4:41	7:29	8:41
08 Jumaat	5:51	6:01	7:11	1:22	4:41	7:28	8:40
09 Sabtu	5:51	6:01	7:11	1:22	4:40	7:28	8:40
10 Ahad	5:51	6:01	7:11	1:21	4:40	7:28	8:40
11 Isnin	5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:28	8:39
12 Selasa	5:51	6:01	7:10	1:21	4:39	7:27	8:39
13 Rabu	5:51	6:01	7:10	1:21	4:38	7:27	8:39

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43
5:53	6:03	7:12	1:24	4:43	7:31	8:43
5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:31	8:42
5:53	6:03	7:12	1:24	4:42	7:30	8:42
5:53	6:03	7:12	1:24	4:41	7:30	8:42
5:53	6:03	7:12	1:23	4:41	7:30	8:41
5:53	6:03	7:12	1:23	4:40	7:30	8:41

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:52	6:02	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40
5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40
5:52	6:02	7:12	1:22	4:41	7:28	8:40
5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:28	8:39
5:52	6:02	7:12	1:22	4:40	7:27	8:39
5:52	6:02	7:11	1:21	4:39	7:27	8:39

7-13 Ogos 2025
13-19 SAFAR 1447H



GUNA BERHEMAH TIADA KENAIKAN

Oleh SOFEA SUSAN ALBERT KASSIM

Bermula 1 September, pelarasan tarif air di Selangor dilaksanakan. Namun, tiada kenaikan untuk majoriti rakyat yang guna air sehingga 20 meter padu sebulan. Caj kekal 65sen bagi setiap meter padu seperti sebelum ini.

Langkah tersebut untuk menjamin kelestarian bekalan jangka panjang, selain memastikan golongan sasar menerima bantuan.

Air Selangor, yang membekalkan air kepada lebih 9.6 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, melaksanakan pelarasan mengikut garis panduan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Untuk pengguna yang menggunakan air secara berhemah, tiada perubahan pada bil bulanan anda. Caj minimum RM6.50 juga dikekalkan bagi pengguna domestik.

Hanya penggunaan dalam jumlah tinggi sahaja dikenakan kadar baharu, itu pun secara bersasar.

Berita baik juga buat penghuni rumah kos rendah, kenaikan paling minimum hanya 10sen, menjadikan kadar baharu RM1.18 bagi setiap meter padu.

Sementara itu, lebih 1.3 juta rakyat Selangor merangkumi 337,851 akaun, layak menerima air percuma bernilai RM13 sebulan menerusi Skim Air Darul Ehsan (SADE).

Menariknya, had kelayakan pendapatan isi rumah akan dinaikkan daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan supaya lebih ramai menikmati bantuan ini.

Selaras peningkatan penduduk, Air Selangor membina Loji Rawatan Air (LRA) Rasau dan Labohan Dagang 2, masing-masing menelan kos RM7.671 bilion dan RM479.52 juta. Ia akan menambah kapasiti air terawat sebanyak 2,730 juta liter sehari.

Penggantian paip-paip lama sepanjang 732.65 kilometer (km) dilakukan sejak 2018. Bermula tahun ini, paip asbestos sepanjang 1,600km di seluruh Selangor yang berusia lebih 40 tahun diganti secara berperingkat.

Margin rizab air juga naik kepada 16.74 peratus pada Jun, jadi risiko gangguan bekalan semakin rendah.

Pelarasan tarif turut melibatkan sektor industri berat seperti pusat data dan perkapalan yang menggunakan air dalam jumlah besar.

Namun bagi rumah ibadat dan institusi kebajikan, kadar tetap rendah dan Kerajaan Negeri menampung peningkatan caj.

Secara keseluruhan, Selangor menanggung kos sehingga RM52.7 juta bagi memastikan pelarasan tidak membebankan rakyat, sebaliknya mengukuhkan perkhidmatan air yang lebih mantap dan moden.

Yang perlu anda tahu?

- kenaikan tarif air melibatkan 10 negeri termasuk Selangor
- pelarasan dibuat selepas permohonan semakan oleh pengendali bekalan air di negeri-negeri
- jemaah menteri luluskan kenaikan bermula 1 Ogos
- Selangor putuskan laksana tarif baharu mulai 1 September

Bantuan untuk rakyat

- 1.3 juta rakyat terus nikmati air percuma menerusi SADE
- SADE diperluas: had kelayakan pendapatan isi rumah naik daripada RM5,000 kepada RM6,000 sebulan
- permohonan boleh dibuat mulai 8 Ogos
- bantuan untuk rumah ibadat & institusi kebajikan berdaftar: Kerajaan Negeri tempung kenaikan tarif air
- peruntukan hingga RM52.7 juta, pastikan kos sara hidup rakyat memerlukan tidak terbeban

Kenapa perlu pelarasan?

- ganti lebih 1,600km paip asbestos berusia lebih 40 tahun mulai tahun ini
- tingkat simpanan air, perlu capai sasaran selamat 20 peratus menjelang 2030 tangani kecemasan
- populasi dan sektor industri terus berkembang pesat, perlu kapasiti air terawat lebih tinggi

Ke mana dilabur?

- ganti paip berskala besar
- bina LRA baharu
- tiada kenaikan bagi pengguna domestik 20 meter padu
- caj minimum bulanan RM6.50 kekal

Pelarasan bersasar

- peralihan tarif hanya dikenakan pada kadar penggunaan lebih 20 meter padu
- penggunaan 20-35 meter padu:caj RM1.62/meter padu
- penggunaan lebih 35 meter padu:caj RM3.51/meter padu
- kondominium, kuarters estet, kuarters kerajaan:caj RM2.09/meter padu
- caj minimum kondominium secara pukal kekal RM173 sebulan
- industri penggunaan tinggi:kategori tarif baharu diwujudkan untuk pusat data pada kadar RM5.31/meter padu
- industri perkapalan RM8.01/meter padu
- ruang komersial, bangunan bukan domestik: caj naik 57sen kepada RM3.51/meter padu
- penggunaan lebih 35 meter padu caj ditetapkan RM3.83/meter padu
- rumah ibadat, institusi kebajikan:masih kadar terendah, naik 10sen/meter padu kepada 76sen/meter padu



Parkir pintar: Isu, kenapa & bagaimana?

APA ISUNYA?

SIP diperkenalkan untuk menutup ketirisan hasil yang sepatutnya dapat dikutip daripada pengguna, sekali gus akan meningkatkan pematuan pengguna. Ia dilaksanakan di PBT yang berkenaan pada masa ini kerana kontrak pengendalian tempat letak kereta di kawasan-kawasan itu tamat pada 31 Julai.

Kerajaan Selangor mengangalkan sistem parkir sedia ada hanya mengutip lebih kurang 30 peratus sahaja daripada caj keseluruhan.

SIAPA PENGENDALI SIP?

SIP akan dikendalikan bersama oleh Rangkaian Mesra Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bersama sebuah syarikat konsesi dan PBT, kata EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim.

Katanya, PBT akan mengekalkan kuasa penuh penguatkuasaan sementara Rangkaian Mesra menyelaras sistem dan syarikat konsesi yang bakal dilantik akan mengendalikan operasi harian.

Syarikat konsesi itu juga akan melabur RM200 juta untuk pembangunan infrastruktur SIP termasuk pemasangan kira-kira 1,800 unit kamera litar tertutup (CCTV) serta tambahan penguatkuasa bagi meningkatkan kadar pematuan.

Pada 1 Ogos, ITMAX Sdn Bhd memaklumkan kepada Bursa Malaysia bahawa anak syarikatnya Selmax Sdn Bhd dilantik oleh MBSJ untuk mengendalikan SIP di kawasan-kawasanya bagi tempoh 10 tahun dengan pilihan lanjutan kontrak lima tahun.

BAGAIMANA SIP BANTU SELESAI ISU PARKIR?

SIP bukan hanya akan menambah baik sistem parkir PBT tetapi sekali gus antara tunjang utama konsep bandar pintar di Selangor dan selaras dengan inisiatif Smart Selangor, jelas Suee Lim.

Smart Selangor adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, perniagaan dan sektor awam melalui penggunaan teknologi digital serta memanfaatkan kelebihan data raya.

Suee Lim juga berharap SIP akan menjadi contoh sistem pengurusan parkir moden, dengan kawalan CCTV dan pusat kawalan yang memantau operasi secara langsung.

Infrastruktur SIP juga akan menggunakan teknologi pintar yang dilengkapi internet kebendaan (IoT), kamera CCTV dan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk mengesan parkir haram, pelanggaran peraturan dan pemantauan keselamatan.

"Usaha ini dijangka dapat membantu mengurangkan kadar jenayah di kawasan bandar," kata Suee Lim.

SIP juga akan memperkasa pasukan penguat kuasa PBT melalui kenderaan rondaan lengkap dengan sensor pintar dan peralatan mudah alih.

APA FOKUS UTAMA SIP?

SIP bertujuan meningkatkan pematuan bayaran parkir, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari.

"Sebelum ini hasil parkir yang dapat dikutip hanya 30 peratus, maknanya ada 70 peratus yang

BERMULA

1 Ogos, Kerajaan

Negeri melaksanakan secara

berfasa sistem Parkir Pintar Selangor

atau Selangor Intelligent Parking (SIP)

di tiga daerah pentadbiran pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

Rundingan dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) masih berjalan.

Langkah ini mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan masyarakat, daripada soal ketelusan pelaksanaan dan kesannya kepada pengguna sampailah kepada perkongsian hasil kutipan bayaran parkir dan kesannya kepada PBT.

Media Selangor merangkumkan beberapa perkara berbangkit untuk menjelaskan isu-isu berkaitan SIP serta perkembangan pelaksanaannya hasil semakan oleh wartawan **SOFIA NASIR**.

tidak dapat dikutip. Kita perlu pertingkatkan dengan teknologi," katanya.

SIP juga akan memusatkan pengurusan parkir secara digital dan bersepadu. Selepas pelaksanaannya nanti, setiap PBT terlibat akan mengguna pakai sistem sama sekali gus menyeragamkan kadar, waktu operasi dan kaedah serta platform pembayaran.

SIP akan mengurangkan kos operasi jangka panjang PBT apabila ia tidak lagi menanggung kos langsung operasi harian tempat parkir.

APA REAKSI PBT TERLIBAT?

Semua empat PBT pada dasarnya bersetuju dengan keputusan Kerajaan Selangor namun MBPJ membangkitkan persoalan terutamanya mengenai agihan hasil.

Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon berkata peralihan sistem itu tidak mengganggu keadaan tempat letak kenderaan yang sedia ada di kawasan pentadbiran MBPJ.

"Salah satu syarat kita ialah hasil mestilah sama atau lebih tinggi daripada apa yang kita dapat sekarang," katanya.

Beliau juga membangkitkan persoalan mengenai asas penurunan kuasa penguatkuasaan dan tempoh perwakilan di bawah sistem baharu nanti.

Mohamad Zahri juga memberitahu pihaknya sudah beberapa kali bertemu dengan MBI untuk perbincangan dan penjelasan lanjut.

Amirudin juga mengesahkan hanya MBPJ yang membangkitkan bantahan dan perkara itu sedang dalam rundingan.

Dalam pada itu, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyuarakan sokongan kepada SIP walaupun bukan antara PBT yang terlibat dengan pelan pelaksanaannya buat masa ini, lapor The Star.

Timbalan Yang Dipertua MPAJ Hasrolnizam Shaari berkata pihaknya sudah memulakan rundingan dan perbincangan dengan Kerajaan Negeri kerana melihat potensi untuknya

meningkatkan kecekapan operasi dan hasil.

APA REAKSI MASYARAKAT?

Empat Ahli Parlimen Pakatan Harapan yang juga wakil rakyat kawasan terlibat iaitu Lee Chean Chung (Petaling Jaya), William Leong (Selayang), Azli Yusof (Shah Alam) dan Wong Chen (Subang) menyuarakan bantahan mereka secara terbuka. Dalam satu kenyataan bersama, mereka menggesa agar pelaksanaan SIP ditangguhkan.

Mereka juga meminta semua terma dan syarat skim SIP didedahkan kepada umum, khususnya pecahan keuntungan antara pihak-pihak terlibat. Mereka turut meminta Kerajaan Selangor menubuhkan sebuah jawatankuasa bebas dwipartisan bagi menyemak cadangan pelaksanaan SIP secara menyeluruh. Sementara itu, Pengerusi MCA Selangor Datuk Ir Lawrence Loh meminta Kerajaan Negeri memastikan kepentingan PBT dan masyarakat terpelihara.

Beliau berpendapat cadangan pelaksanaan SIP bukan penyelesaian tepat kepada masalah kutipan parkir yang rendah. Katanya, isu itu boleh diselesaikan dengan menambah baik aplikasi bayaran parkir dan memperkukuh penguatkuasaan.

Sekurang-kurangnya juga dua persatuan penduduk iaitu PJ Sejahtera dan Persatuan Petaling Jaya Lestari menggesa Kerajaan Selangor mempertimbangkan semula pelaksanaan SIP.

APA KATA KERAJAAN NEGERI?

Pelaksanaan SIP tidak dibuat secara rundingan terus sebaliknya melalui proses tender terbuka yang telus dan kompetitif, tegas Amirudin.

Tender terbuka itu juga dibuat selepas MBI memulakan proses dengan mengeluarkan permintaan untuk cadangan (RFP). Semakan menunjukkan RFP dikeluarkan antara 8 hingga 22 Januari.

"MBI telah mengeluarkan RFP dan sebanyak 26 syarikat menyatakan minat dalam sektor ini. Akhirnya, tiga syarikat telah disenarai pendek," kata Suee Lim.

APA AKAN BERLAKU DENGAN PELAKSANAAN SIP?

Sistem SIP diuruskan oleh Rangkaian Mesra Sdn Bhd sebagai anak syarikat MBI Selangor. Operasi penguatkuasaan dan penyelenggaraan tapak letak kereta pula akan diurus pihak swasta melalui syarikat konsesi yang dipilih. Bagaimanapun, kuasa dan dasar penguatkuasaan masih berada bawah bidang kuasa PBT.

Tiada kenaikan kadar parkir diumumkan. Kerajaan Negeri mengekalkan caj antara 40 hingga 60sen sejam buat masa ini. Menurut Suee Lim, sebarang kenaikan caj pada masa hadapan perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri dan PBT.



Komitmen hijau Selangor

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**
Foto **REMY ARIFIN**

Dahulu, kawasan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Taman Hutan Selangor (FPS) di Kepong, hanyalah bekas tanah lombong terbiar. Namun di situlah bermulanya sebuah kisah pemulihan.

Sedikit demi sedikit pokok ditanam, menjadikan kawasan itu antara projek pemulihan hutan terawal dan paling berjaya di rantau ini.

Kini, FRIM FPS berdiri megah sebagai hutan buatan manusia pertama di dunia. Lebih membanggakan ia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 11 Julai.

Pengiktirafan ini tidak datang bergolek. Ketua pengarah FRIM menegaskan kejayaan ini hasil sumbangan besar Kerajaan Negeri yang menjadi 'benteng' sebenar dalam melindungi kawasan tersebut.

"Mereka bukan sekadar salur dana tapi berusaha membuat jalinan libat urus sejak 2017. Inilah erti sebenar kerjasama," kata Datuk Dr Ismail Parlan kepada Media Selangor.

Beliau turut menjelaskan tindakan Kerajaan Negeri meluluskan zon penampungan seluas 1,066 hektar di sekeliling FRIM FPS menjadi titik perubahan penting dalam usaha meyakinkan dunia.

"Zon penampungan penting untuk melindungi FRIM FPS daripada sebarang ancaman luar. Tanpa kawasan pelindung, ekosistem boleh rosak. UNESCO mahu jaminan dan Selangor beri komitmen itu."

Dr Ismail mendedahkan, isu tersebut menjadi topik utama dalam mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan UNESCO di Paris. Bagi UNESCO, ini bukan perkara kecil.

Wakil dari 21 negara mahukan jaminan bahawa Malaysia benar-benar komited menjaga kawasan sekitar FRIM FPS, bukan sekadar mengemukakan pencalonan di atas kertas.

"Tanpa zon ini, pencalonan kita mungkin tidak ke mana. Tapi Selangor bertindak pantas dan berani. Kita berjaya yakinkan dunia bahawa kita benar-benar komited," katanya.

Zon penampungan yang diluluskan bukan sekadar kawasan pemisah biasa tetapi elemen penting dalam melindungi alam sekitar. Ia ibarat perisai dan bukti bahawa Malaysia serius mahu menjaga khazanah ini untuk generasi akan datang.

Bukan sekadar hutan

Dengan status baharu sebagai Tapak Warisan Dunia, FRIM FPS kini setaraf Taman Kinabalu dan Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah. Namun istimewanya, ia bukan sekadar hutan tetapi simbol harapan bahawa alam yang rosak masih boleh dipulihkan.

Setiap inci tanah di FRIM FPS menceritakan kisah pemulihan, penyelidikan dan perlindungan biodiversiti. Ada Jejambat Rimba, laluan kanopi membelah kehijauan dan pokok-pokok nadir yang hampir pupus.

Dengan lebih 500,000 pengunjung setiap tahun, FRIM FPS bukan sekadar lokasi pelancongan. Ia destinasi untuk merasai sendiri keajaiban hutan yang lahir semula dari tanah yang pernah mati.

Bagi Dr Ismail yang berkhidmat selama 30 tahun di FRIM, pengiktirafan UNESCO membuka lembaran baharu. Beliau yakin, hutan hujan tropika itu bakal menjadi antara tarikan utama sempena Tahun Melawat Selangor 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Kami akan pertingkatkan fasiliti, tambah pemandu arah dan pastikan pengalaman pelawat lebih berkualiti. Kami tak pertingkatkan kuantiti (pengunjung) tapi utamakan pengalaman bermakna," katanya.

Selain Taman Kinabalu (2000) dan Warisan Arkeologi Kompleks Gua Taman Negara Niah (2024), Malaysia secara keseluruhan berjaya menyenaraikan empat lagi Tapak Warisan Dunia UNESCO iaitu Taman Negara Gunung Mulu (2000), Bandar Bersejarah Selat Melaka, Melaka dan George Town (2008), Warisan Arkeologi Lembah Lenggong (2012).

Hingga kini, sejumlah 1,223 tapak di seluruh dunia diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia bawah Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi Dunia 1972.



Foto BERNAMA



Zon penampungan penting untuk melindungi FRIM FPS daripada sebarang ancaman luar. Tanpa kawasan pelindung, ekosistem boleh rosak. UNESCO mahu jaminan dan Selangor beri komitmen itu

DATUK DR ISMAIL PARLAN
Ketua Pengarah
FRIM





Latar belakang

- bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan secara rasmi pada 31 Ogos 1957 di Padang Kelab Selangor
- bendera Malaysia pula berkibar pada 16 September 1963, dengan tambahan 14 jalur penyertaan Sabah, Sarawak dan Singapura
- pemisahan Singapura dari Malaysia tidak ubah 14 jalur kerana diwakili 13 negeri dan kerajaan persekutuan
- Tun Dr Mahathir Mohamad (perdana menteri ketika itu) umumkan nama rasmi Jalur Gemilang pada 31 Ogos 1997

Lembaran patriotik

SETIAP tahun menjelang 31 Ogos, seluruh negara bersiap sedia menyambut Hari Kebangsaan, detik bersejarah yang menandakan lahirnya sebuah negara merdeka.

Semangat patriotik mula menyemarak dengan kibaran Jalur Gemilang menghiasi bangunan, sekolah, premis perniagaan dan kenderaan. Namun, ia sedikit tercalar apabila berlaku lagi insiden memalukan membabitkan bendera Malaysia.

Kes terbaharu melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Chung Hua di Port Dickson, yang secara tidak sengaja memasang Jalur Gemilang dalam kedudukan terbalik.

Pihak sekolah mengakui kecuaiannya dan segera memohon maaf atas insiden yang menimbulkan kemarahan ramai.

Kementerian Pendidikan (KPM) pula mengakui kesilapan memaparkan imej Jalur Gemilang terbalik dalam Laporan Analisis Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

KPM memohon maaf dan memberi jaminan tindakan pembetulan serta siasatan lanjut diambil bagi memastikan perkara sebegini tidak berulang.

Pada April lalu, sebuah akhbar berbahasa Cina tempatan

turut tersilap memapar Jalur Gemilang tanpa bulan sabit iaitu lambang Islam sebagai agama rasmi di Malaysia.

Kecuaian itu mendapat teguran Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim. Baginda mengingatkan lambang kedaulatan dan identiti negara itu tidak boleh dipersenda.

Walaupun niat itu mungkin tidak disengajakan, kecuaiannya sebegini mencerminkan kurangnya kesedaran sivik dan rasa hormat terhadap lambang negara.

Kesalahan menggunakan bendera boleh dianggap sebagai satu bentuk penghinaan dan boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Hasutan 1948 dan Kanun Keseksaan.

Setiap rakyat diseru mengibarkan bendera sebagai tanda kecintaan kepada tanah air. Jalur Gemilang bukan sekadar kain, ia jiwa negara yang harus sentiasa dijulang.

Bersempena sambutan kemerdekaan

ke-68 tahun ini, wartawan **NADIAH ZAMLUS** menyenaraikan panduan penggunaan bendera termasuk cara pengibaran, posisi, saiz, lokasi, etika pelupusan dan juga akta perlindungannya.



Peruntukan akta

Seksyen 3 Akta Lambang dan Nama (Cegah Penggunaan Tidak Wajar) 1963

jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM10,000

Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949

mana-mana orang yang

- Pamer lambang kebangsaan bertlawanan dengan akta ini atau mana-mana syarat, mana-mana perintah atau permit dibuat atau diberikan di bawah seksyen 5; atau
- Pemunya, penyewa, penerima pajak, penduduk atau orang yang jaga premis dengan disedarinya benarkan lambang kebangsaan dipamer di atas atau dari premis itu atau dalam mana-mana sekolah yang bertlawanan dengan akta ini atau mana-mana syarat mana-mana perintah atau permit dibuat atau diberikan di bawah seksyen 5, lakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh
 - individu, dipenjarakan tidak lebih enam bulan atau didenda tidak lebih RM500 atau kedua-duanya;
 - pertubuhan perbadanan, denda tidak lebih RM1,000

Kanun Keseksaan Akta Hasutan 1948

mana-mana individu hina atau lakukan provokasi melampau terhadap Jalur Gemilang bertujuan cemar nama baik atau menghasut

Pemasangan

Kenderaan

- Pemasangan untuk kenderaan pembesar tertentu



- Pemasangan bendera secara kreatif



Pentas

mesti dipasang lebih tinggi berbanding individu berdiri atas pentas



Gedung, kedai dan rumah

- tiang mesti dicondongkan ke arah jalan raya
- jika dua bendera dipasang, Jalur Gemilang mesti dikibarkan sebelah kiri dan satu lagi di sebelah kanan

Lukisan dinding

bahagian kepala bendera perlu di sebelah kiri bila dipandang dari hadapan

Susunan keutamaan

(digunapakai mulai 1 Januari 2025)



- susunan keutamaan tidak tetap dan boleh berubah selaras dengan Perkara 70 Perlembagaan Persekutuan
- hanya Jabatan dan Agensi Kerajaan yang tertentu mempunyai bendera jabatan/agensi contohnya Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penjara, Angkatan Tentera, PDRM dan sebagainya
- susunan kekananan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja-Raja dan TYT Yang di-Pertua Negeri masing-masing

- Bendera Persekutuan - Jalur Gemilang
- Bendera negeri-negeri - susunan ikut kekananan DYMM Raja-Raja, Pemangku Raja dan TYT Yang di-Pertua Negeri
- Bendera Wilayah Persekutuan
- Bendera jabatan dan agensi kerajaan
- Bendera syarikat



Hari kebesaran persekutuan



- Malaysia (kiri), negeri (kanan) untuk dua tiang
- negeri (kiri), Malaysia (tengah), institusi/jabatan (kanan) untuk tiga tiang



Hari kebesaran negeri

- negeri (kiri), Malaysia (kanan) untuk dua tiang
- Malaysia (kiri), negeri (tengah), institusi/jabatan (kanan) untuk tiga tiang

Persidangan antarabangsa

dikibarkan dan diatur ikut susunan abjad nama negara seperti ditetapkan pertubuhan berkenaan (jika ada)

Perarakan



- jika diarak berbaris, Jalur Gemilang dahului bendera lain
- jika diarak berderet, Jalur Gemilang di tengah-tengah tetapi perlu ke hadapan sedikit



- jika dibawa secara terbentang, bahagian Bulan Bintang (kepala bendera) perlu di depan

Penggunaan




- mesti dipasang secara melintang sahaja, tidak boleh menegak jika dipasang pada kedudukan statik atau tidak berkibar
- tapi boleh dipasang menegak jika disambung dalam kuantiti banyak



- dibenarkan untuk iklan promosi bulan kemerdekaan asalkan tidak ditafsir sebagai hina bendera
- tidak boleh dijadikan pakaian, alas meja, kain tudung, payung, songkok, topi, tuala mandi dan alas kusyen



- penggunaan bendera pelbagai gaya, gambar serta bentuk yang diubah fizikal bendera itu untuk dijadikan iklan bagi tujuan mempromosikan sambutan Bulan Kebangsaan TIDAK DIBENARKAN
- penggunaan bendera dalam penghasilan logo TIDAK DIBENARKAN sama sekali
- penggunaan warna asas dan motif bendera (merah, putih, biru dan kuning) sahaja DIBENARKAN



- penggunaan bendera dalam infografik TIDAK DIBENARKAN bertindih di antara teks dan bendera



- kibaran bendera lusuh seperti warna pudar dan koyak adalah salah



Cara lupus

- tidak boleh dibuang ke dalam tong sampah
- perlu dibakar secara tertutup, bukan di tempat awam

Cara hormati



Lambang kebesaran, kedaulatan

- jika orang awam pakai baju Melayu dan lain-lain pakaian, perlu berdiri tegak dengan kedua-dua belah tapak tangan dilurus ke bawah. Jika orang kurang upaya berkerusi roda, badan ditegakkan jika mampu dan tangan atas peha dengan kaki dirapatkan
- jika orang awam pakai topi, ia perlu dibuka dan diletakkan di dada kiri

Tanda berkabung

- dikibarkan separuh tiang, arahan daripada Jabatan Perdana Menteri bagi Persekutuan dan pihak berkuasa negeri untuk negeri berkenaan
- dikibarkan separuh kerana:
 - Kemangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
 - Kemangkatan DYMM Raja-Raja dan Raja Permaisuri
 - Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan isteri-isteri
 - Perdana Menteri/Pemangku Perdana Menteri

Tanda hormati jenazah

- boleh diguna tutup keranda dalam Istiadat Pengubuman Negara bagi penghormatan terakhir individu berjasa kepada negara
- boleh juga digunakan untuk:
 - Duta Malaysia meninggal di luar negara
 - Anggota tentera, polis meninggal semasa bertugas
 - Bawa pulang jenazah rakyat Malaysia (ditentukan kerajaan)



Risiko pesakit HIV elak rawatan awal

Oleh DEWI ABDUL RAHMAN

Pandangan serong masyarakat terhadap HIV sering menjadikan pesakit terutama golongan remaja sebagai mangsa penilaian moral. Akibatnya, ramai memilih untuk berdiam diri dek takut dihukum.

Rasa malu dan bimbang mengecewakan keluarga menyebabkan mereka menanggung rawatan meski virus terus merebak dalam tubuh.

Ketika rawatan moden tersedia secara percuma dan berkesan, ramai hanya tampil selepas daya tahan badan (imun) merosot dan peluang untuk pulih semakin tipis.

Lebih mengejutkan, ada yang dijangkiti bukan atas pilihan sendiri. Mereka menjadi mangsa pengantunan seksual oleh individu dewasa, kebiasaannya orang terdekat dan dipercayai.

Pakar Penyakit Berjangkit dan Perubatan Jabatan Perubatan Hospital Canselor Tuanku Muhriz mendedahkan ada pesakit mengakui dieksplotasi seawal usia 15 tahun melalui media sosial, permainan dalam talian, bahkan oleh jiran atau ahli keluarga sendiri.

"Mereka keliru dan takut. Ketika mereka tahu mereka berisiko, mereka tidak tahu kepada siapa harus mengadu. Mereka pendam semuanya.

"Bimbang dimarahi dan takut memalukan keluarga, ramai hanya mendapatkan rawatan selepas dua tahun dijangkiti," kata Dr Najma Kori kepada Media Selangor.

Beliau menjelaskan kelewatan mendapatkan rawatan ini bukan kes terpencil. Ia kini menjadi pola umum dalam kes jangkitan HIV dalam kalangan remaja.

Ramai hanya tampil selepas tahap imun sudah terlalu rendah, menjadikan rawatan lebih mencabar dan risiko komplikasi meningkat.

"Jika rawatan dimulakan lebih awal, jangkitan HIV boleh dikawal sepenuhnya dan tidak berkembang menjadi AIDS," katanya.

Beliau menegaskan rawatan HIV hari ini setaraf dengan kaedah perubatan penyakit kronik seperti kencing manis.

Pesakit memerlukan ubat seumur hidup, tetapi boleh menjalani kehidupan normal termasuk berkahwin dan mempunyai anak jika dirancang dengan selamat.


Namun, tanggapan sosial masih menjadi tembok penghalang. Ramai golongan muda enggan tampil mendapatkan rawatan kerana bimbang identiti mereka diketahui kolej, keluarga atau komuniti.

Sedangkan rawatan kini boleh diperoleh secara anonim di fasiliti kesihatan kerajaan, dengan ujian pantas hanya mengambil masa 15 minit.


Dr Najma turut memaklumkan 70 hingga 80 peratus kes baharu jangkitan HIV melibatkan lelaki, khususnya dalam kalangan mereka yang terlibat dalam hubungan sejenis.

Data Kementerian Kesihatan (KKM) menunjukkan umur antara 20 hingga 29 tahun

Laporan kes HIV dan AIDS di Malaysia sejak 1986 hingga 2023



Taburan kes HIV mengikut kumpulan umur di Malaysia pada 2023



Sumber: Kementerian Kesihatan

merekodkan jumlah tertinggi jangkitan baharu iaitu sebanyak 44 peratus daripada 3,220 kes.

"Kalau dapatkan rawatan, virus tidak boleh dipindahkan. Tapi jika rawatan dihentikan, virus akan kembali aktif dan boleh menjangkiti orang lain. Kos rawatan juga akan jadi lebih tinggi."

"Ramai masih tidak tahu bahawa HIV bukan sahaja boleh dicegah, tetapi juga dikawal sepenuhnya. Jika ubat diambil secara konsisten, risiko penularan kepada pasangan boleh dikurangkan," katanya lagi.

Beliau juga menegaskan kepentingan penggunaan kondom dan komunikasi terbuka antara pasangan sebagai langkah perlindungan asas.

Malah, ubat pencegahan seperti Post Exposure Prophylaxis (PEP) boleh diambil dalam tempoh 24 jam selepas terdedah kepada risiko.

Bagaimanapun, hatinya tersentuh apabila

semakin ramai keluarga sudah mula memberikan sokongan dan memahami satu perubahan positif mampu memberi harapan kepada pesakit.

"Ramai sangka mak ayah akan marah atau buang mereka. Tapi bila akhirnya mereka jujur, keluarga bantu dan terima. Cari orang yang boleh kita percaya kerana sokongan moral sangat penting," katanya.

Beliau turut menyeru agar masyarakat, sekolah dan institusi pendidikan tampil lebih terbuka dan berani dalam mendepani isu HIV.

Pendidikan seksual yang menyeluruh, berasaskan fakta dan empati adalah keperluan mendesak, bukan sesuatu yang boleh terus ditangguhkan.

"Dengan peningkatan jumlah jangkitan dalam kalangan remaja, kita tidak boleh terus berdiam. Bukan untuk menormalisasikan tetapi mengubah stigma demi masa depan yang lebih sihat dan bertanggungjawab," katanya lagi.



KESIHATAN

Kebelakangan ini kecoh di media sosial apabila jangkitan herpes hangat diperkatakan warganet. Isu itu timbul selepas seorang usahawan makanan berkongsi video dia sedang mendapatkan rawatan akibat penyakit tersebut.

Dalam video hampir lima minit yang tular, wanita berkenaan bertanya kepada doktor mengenai masalah bintik-bintik kecil dan kebas pada bahagian bibirnya.

Dengan nada bergurau, dia mengaitkan punca jangkitan

tersebut dengan kebersihan alat kelamin suaminya. Kata-kata itu lantas mencetuskan kebimbangan pelanggan berhubung tahap kebersihan di premis jualannya.

Namun usah panik!

Hakikatnya, jangkitan virus itu biasa berlaku, namun disalah anggap sebagai masalah kecil. Penyakit tersebut berpunca daripada virus herpes simpleks (HSV). Ia terbahagi

kepada dua jenis iaitu HSV-1 (herpes mulut) dan HSV-2 (herpes alat kelamin).

Menurut data Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO),

HERPES

serang mulut, alat kelamin

dianggarkan 3.7 bilion individu berusia bawah 50 tahun menghidap HSV-1 manakala lebih 490 juta berumur 15-49 tahun di seluruh dunia dijangkiti HSV-2.

Wartawan NADIAH ZAMLUS

merungkai tanggapan, punca dan kaedah rawatan penyakit berkenaan dengan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Putra Malaysia Prof Madya Dr Halimatus Sakdiah Minhat.

Sejarah

- ◆ namanya diambil daripada bahasa Greek. Diterjemahkan menjadi perkataan herpete bermaksud menjalar

Kategori

Herpes mulut (HSV-1)

- ◆ berlaku luka sekitar mulut, gigi dan gusi
- ◆ jangkiti individu bawah 50 tahun
- ◆ 64 peratus babitkan penduduk dunia

Herpes genital (HSV-2)

- ◆ berlaku di kawasan alat kelamin
- ◆ jangkiti golongan usia 15-49 tahun
- ◆ berisiko dijangkiti HIV tiga kali ganda

Cara jangkitan

- ◆ ciuman dan sentuhan kulit ke kulit
- ◆ seks oral
- ◆ perkongsian barangan seperti gincu, tuala atau sudu
- ◆ kadangkala dijangkiti sejak kecil tanpa sedar

Ujian kesan virus

- ◆ **ujian kultur virus:** sampel diambil daripada luka atau lepuh untuk sahkan kehadiran virus herpes
- ◆ **ujian tindak balas rantai polimerase:** DNA diambil melalui sampel darah untuk tentukan jenis HSV
- ◆ **ujian darah:** periksa antibodi HSV kesan jangkitan virus herpes pada masa lalu

Tahap rebakan

- ◆ **peringkat 1:** kesemutan, gatal atau rasa sakit di sekitar mulut
- ◆ **peringkat 2:** lepuh kecil, keras, berisi cecair mula terbentuk di bibir, hidung, pipi atau bahagian mula lain

- ◆ **peringkat 3:** lepuh meletup dan cecair mengalir, kemudian luka terbuka kering dan berkrust. Kudis kemudiannya gugur dan sembuh selepas lima hingga 15 hari

Tidak boleh berjangkit jika

- ◆ sentuhan biasa seperti berjabat tangan
- ◆ guna tandas sama
- ◆ sentuh objek awam seperti pintu, kerusi

Rawatan

- ◆ virus ini kekal dalam badan dan tiada penawar
- ◆ ubat antivirus kurangkan gejala dan risiko jangkitan
- ◆ paracetamol, ibuprofen atau ubat sapu seperti lidocaine bantu kurangkan sakit

Risiko tingkatan jangkitan

- ◆ **jantina:** kajian kes tunjuk wanita lebih tinggi risiko dijangkiti
- ◆ **gejala seks bebas:** jika amalkan seks bebas bersama ramai pasangan
- ◆ **sistem imun lemah:** lebih mudah terdedah kepada virus

Pencegahan

- ◆ elakkan hubungan kelamin semasa ada gejala
- ◆ guna kondom secara konsisten (walaupun tidak sepenuhnya mencegah)
- ◆ berkhatan boleh lindungi daripada jangkitan HSV-2
- ◆ wanita hamil ada gejala herpes perlu maklum kepada doktor

Guna barangan sendiri, elak kongsi

- ◆ tuala
- ◆ berus gigi
- ◆ alat solek bibir
- ◆ cawan atau straw



Ulama sepakat pengharaman riba



Bicara Agama

Allah mengharamkan riba melalui firman-Nya dalam ayat ke-275 surah al-Baqarah (2); “Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.”

Kemudian disebut pula dalam ayat ke-278 sampai ayat 280 surah al-Baqarah (2):

“Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan tinggalkanlah saki-baki riba yang masih ada jika kamu benar-benar beriman. Jika kamu tidak melakukannya, maka isytiharkanlah perang daripada Allah dan Rasul-Nya.

“Namun jika kamu bertaubat, maka kamu berhak mendapat kembali modal pokok harta kamu; kamu tidak menzalimi dan tidak dizalimi. Dan jika orang yang berhutang itu dalam kesempitan, maka berilah tempoh sehingga dia senang. Tetapi jika kamu menyedekahkan (hutang itu), maka itu lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui.”

Riba yang diketahui wujud pada zaman jahiliah ialah pinjaman yang diberi secara bertangguh dengan tambahan kadar faedah ditetapkan. Tambahan itu ganti kepada tempoh masa yang diberi. Inilah yang dinamakan riba jali (riba nyata) atau riba al-duyun (riba hutang) atau riba al-nasi’ah (riba bertangguh) dan tidak terdapat khilaf tentang pengharamannya.

Namun, para ulama berbeza pendapat dalam isu riba al-fadl iaitu sejenis riba (faedah atau lebihan yang haram dalam muamalat Islam) yang berlaku dalam pertukaran barang ribawi sejenis secara tidak sama kuantiti atau kualiti walaupun secara tunai.

Dalam erti kata lain, riba fadhl adalah lebihan atau keuntungan yang diperoleh dalam pertukaran barangan ribawi sejenis yang tidak setara dari segi kuantiti atau kualiti seperti menukar satu kilogram (kg) emas dengan 1.2kg emas walaupun serahan dibuat secara tunai.

Riba fadhl hanya berlaku pada enam barang ribawi iaitu emas, perak, gandum, barli, tamar dan garam. Ia berasaskan kepada hadis: Ubadah bin as-Samit berkata Rasulullah SAW bersabda: “Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan

Ketetapan yang tidak boleh dipertikai ialah ijmak para tabi’in yang sepakat mengharamkan riba al-fadl. Ijmak ini menolak pendapat Ibn Abbas dan lain-lain yang tidak mengharamkannya

barli, tamar dengan tamar dan garam dengan garam — mestilah sama (nilainya), setara dengan setara dan secara tunai. Jika barangan ini berlainan jenis, maka juallah sebagaimana yang kamu kehendaki asalkan dilakukan secara tunai.” [Muslim, hadis no: 1587]

Ibn Abbas berpendapat riba yang diharamkan hanyalah riba al-nasi’ah manakala riba al-fadl harus dan tidak haram. Pendapat ini disokong beberapa orang sahabat, antaranya Usamah bin Zaid, Zaid bin Arqam dan Ibn al-Zubayr.

Ibn Qudamah menyebut dalam kitab al-Mughni: Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan para sahabat berkenaan riba al-fadl. Diriwayatkan Ibn Abbas, Usamah bin Zaid, Zaid bin Arqam dan Ibn al-Zubayr berkata:

Hindar penindasan

“Sesungguhnya riba itu hanyalah pada al-nasi’ah (riba bertangguh) berdasarkan sabda Nabi SAW: “Tidak ada riba melainkan pada al-nasi’ah,” — hadis riwayat al-Bukhari. Dalam riwayat Muslim pula disebut: “Sesungguhnya riba itu hanya pada al-nasi’ah.”

Kemudian beliau (Ibn Qudamah) berkata: Pendapat yang masyhur dalam isu ini adalah pandangan Ibn Abbas. Namun akhirnya beliau menarik balik pandangannya dan kembali kepada pendapat jumhur (kebanyakan ulama).

Dalam hadis ‘Ubadah bin al-Samit yang disepakati kesahihannya (riwayat al-Bukhari dan Muslim), Rasulullah bersabda: “(Jual beli) emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, barli dengan barli, kurma dengan kurma, dan garam dengan garam hendaklah sama kuantitinya, sepadan dan diserahkan secara tunai. Jika berlainan jenis, maka berjual belilah sebagaimana yang kamu kehendaki asalkan diserahkan secara tunai (tangan ke tangan).”

Dalam riwayat Abu Sa’id al-Khudri pula, nabi bersabda: “Sesiapa yang menambah atau meminta tambahan, maka dia melakukan riba; pengambil dan pemberi dalam perkara itu adalah sama (sama-sama berdosa).”

Ketetapan yang tidak boleh dipertikai ialah ijmak para tabi’in yang sepakat mengharamkan riba al-fadl. Ijmak ini menolak pendapat Ibn Abbas dan lain-lain yang tidak mengharamkannya.

Kesimpulannya, larangan terhadap riba salah satu prinsip asas dalam sistem ekonomi Islam yang bertujuan melindungi keadilan dan menghindari penindasan dalam urusan muamalat.

Pengharaman riba sama ada riba al-nasi’ah mahupun riba al-fadl ditegaskan melalui nas-nas al-Qur’an, hadis-hadis sahih serta ijmak ulama.

Walaupun ada khilaf dalam kalangan sahabat terdahulu berkenaan riba al-fadl, pandangan paling kukuh dan diterima pakai jumhur ulama ialah kedua-dua bentuk itu haram secara syarak.

Setiap Muslim perlu berhati-hati dalam urusan kewangan dan perniagaan agar tidak terjerumus ke dalam amalan riba yang diharamkan Allah dan Rasul-Nya.



CEMERLANG... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (tiga, kanan) menyampaikan anugerah sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan di Sabah pada 3 Ogos. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Pendidikan RM67b, kesihatan RM51b

Peruntukan RMK13 RM611 bilion

SHAH ALAM - Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak RM611 bilion dengan RM430 bilion membabitkan dana kerajaan antara 2026 hingga 2030.

Baki RM120 bilion dibiayai syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) manakala RM61 bilion melalui perkongsian awam swasta.

Membentang RMK13 pada 31 Julai, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu sebanyak RM227 bilion diperuntuk kepada sektor ekonomi sebagai tunjang utama pertumbuhan negara.

Beliau menjelaskan dana untuk pendidikan sebanyak RM67 bilion, kesihatan (RM40 bilion), keselamatan (RM51 bilion) dan pentadbiran (RM17 bilion).

"Agihan strategik ini mencerminkan komitmen kerajaan untuk memacu pembangunan negara secara menyeluruh dan berimpak tinggi," katanya yang juga menteri kewangan.

Menyatakan lima tahun mendatang tempoh kritikal untuk negara, Anwar berkata asas ekonomi Malaysia perlu dirungkai semula ekoran cabaran trend mega dan isu kelemahan struktur ekonomi.

"Ekonomi negara tidak boleh hanya bergantung kepada pengeluaran bahan asas dalam sektor pertanian, perindustrian dan perkhidmatan.

"Kita perlu melonjakkan kerencaman ekonomi dengan beralih kepada penciptaan nilai dalam semua sektor ekonomi," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek berkata dana itu digunakan bagi membina sekolah baharu, membaiki dan menaik taraf kemudahan institusi pendidikan di seluruh negara.

Menjelaskan lebih banyak kemudahan prasekolah bawah kementerian dibuka di seluruh negara, beliau memberitahu pembinaan sekolah sebahagian syarat projek perumahan berskala besar.

Katanya, peluasan pembinaan sekolah vertikal pula akan dibuat bagi menangani isu kepadatan pelajar dan kekurangan tapak sesuai terutama di kawasan berkepadatan tinggi.

"Tumpuan kerajaan Madani pada ketika ini adalah untuk memastikan kadar enrolmen murid pada peringkat prasekolah dan menengah mencapai enrolmen secepat.

"Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 bertujuan mewajibkan pendidikan menengah telah diluluskan Dewan Rakyat baru-baru ini," katanya.

Fadhlina berkata langkah mewajibkan pendidikan prasekolah mulai usia lima tahun bertujuan menyediakan pengalaman pembelajaran asas yang menyeluruh kepada kanak-kanak.

Kembalikan dana sekolah agama rakyat

SHAH ALAM - Kerajaan mahu menambah baik keperluan sekolah pondok dan sekolah agama rakyat bagi memastikan institusi pendidikan tersebut tidak ketinggalan dalam arus pembangunan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu jurang kemudahan antara institusi itu dan sekolah kebangsaan terlalu besar, justeru memerlukan perhatian serius, lapor Bernama.

Beliau berkata kerajaan sejak 2022 mengembalikan peruntukan kepada institusi berkenaan yang sebelum ini pernah dibatal pentadbiran kerajaan terdahulu ketika pembangkang mentadbir.

"Baru-baru ini saya bertemu guru-guru pondok yang mengeluh kerana sebelum ini pemimpin mereka sekarang iaitu kumpulan SG4 telah membatalkan semua peruntukan kepada sekolah agama rakyat.

"Saya tidak bersetuju dengan tindakan itu. Sebab itu, kita kembalikan semua peruntukan tersebut kepada sekolah agama rakyat," katanya di Dewan Rakyat pada 5 Ogos.

Anwar juga mengarahkan Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri supaya membuat kajian menyeluruh bagi menambah baik kemudahan di institusi pondok yang sangat daif.



Promenade

**Pejabat Kedai 2 Tingkat
25' X 70' | Unit Bumiputera**

- Terletak secara strategik bersebelahan jalan ber trafik tinggi untuk menarik lebih ramai pengunjung
- Ciri inklusif seperti akses OKU dan zon mesra keluarga
- Reka bentuk yang luas dan tempat letak kereta yang mencukupi
- Diskaun 10% bumiputera

Bandar Rimbayu Sdn Bhd 200201000430 (568093-K),
No.1, Jalan Flora 3, Bandar Rimbayu, Telok Panglima Garang, 42500 Selangor.

017 964 0828 | IJM Rimbayu | rimbayuijm | rimbayu.com

IJM LAND
ANAK SYARIKAT IJM CORPORATION BERHAD

Dana sokong usaha bersih sungai

KLANG - Usaha pemuliharaan Sungai Klang terus dipertingkatkan menerusi tajaan berjumlah RM1.75 juta bagi memastikan kelangsungan operasi mesin kutip sampah Interceptor 002 kendalian Landasan Lumayan Sdn Bhd.

EXCO Infrastruktur Dato' Ir Izham Hashim berkata sumbangan disalurkan Kumpulan Affin (Affin Group) sebanyak RM1.5 juta dan MUFG Bank (Malaysia) Berhad (RM250,000) itu bagi menampung kos operasi pembersihan sungai.

Beliau berkata interceptor bukan sekadar aset teknologi, malah simbol kesungguhan negeri menyelesaikan isu pencemaran sampah, khususnya plastik, secara berterusan dan berkesan.

"Pembersihan sungai amat penting bagi memastikan kualiti air terpelihara, di samping memainkan peranan utama dalam usaha tebatan banjir serta sumber bekalan air mentah," katanya pada 4 Ogos.

Taklimat khas tingkat kesedaran

KUALA SELANGOR - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) disaran mengadakan taklimat khas kepada pihak berkuasa tempatan, peniaga dan pemimpin masyarakat berkaitan isu pelarasan tarif air.

EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim berkata ia penting supaya mesej penggunaan air secara bijak disampaikan lebih meluas termasuk peringkat sekolah dengan kerjasama Jabatan Penerangan.

"Masih pada peringkat cadangan tetapi saya akan minta Air Selangor melaksanakan sesi itu secara berkala, mungkin setahun ada beberapa kali untuk kepentingan dan kefahaman pada masa depan.

"Elemen penjagaan air juga perlu dimasukkan ke dalam kempen alam sekitar kerana isu pembaziran air turut memberi kesan langsung kepada kelestarian sumber semula jadi," katanya pada 2 Ogos.

Tiada gangguan loji rawatan air

SHAH ALAM - Tiada insiden henti tugas loji rawatan air (LRA) di Selangor berlaku setakat 31 Julai tahun ini, kata Pengarah Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) Dr Mohamad Asari Daud.

Beliau percaya perkembangan itu hasil keberkesanan rondaan, pemantauan dan intensif yang digerakkan LUAS meliputi kawasan yang dikenal pasti berpotensi berisiko kepada sumber air.

Katanya, langkah berkenaan termasuk pemantauan 24 jam juga membantu LUAS mengesan lebih awal dan menangani lebih banyak insiden pencemaran tanpa mengganggu operasi LRA, lapor Bernama.

"Tiada insiden henti tugas LRA direkodkan berbanding 15 kes (henti tugas LRA) yang direkodkan pada 2020," katanya.

Kosongkan premis haram 2 Sept

PETALING JAYA - Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menyebarkan 248 notis pengosongan kepada penduduk dan pemilik premis yang menceroboh Hutan Simpan Sungai Buloh seluas 47 hektar.

Timbalan Pengarah (Operasi Hutan) JPNS Mohd Nor Firdaus Rahim menjelaskan notis kali kedua hingga 2 September dan amaran akhir itu diserahkan dalam operasi bersepadu pada 1 Ogos.

"Ada 148 struktur binaan terdiri da-

ri pada premis perniagaan, kediaman, unit industri dan lain-lain. Ini adalah fasa terakhir untuk pemindahan penjeroka haram.

"Jika mereka ingkar, tindakan akan diambil bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 yang boleh didenda RM50,000 atau lima tahun penjara atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata sesi rundingan dan libat urus dengan penduduk dibuat

termasuk menawarkan unit kediaman bawah Skim Smart Sewa tetapi semua tawaran itu ditolak dan mereka enggan berpindah.

Sebelum ini, Media Selangor melaporkan operasi membongkar penempatan haram warga asing di Hutan Simpan Sungai Buloh yang dipercayai bertapak lebih 20 tahun lalu.

'Rumah kongsi' berkenaan dipercayai disewakan warga tempatan pada sewaan serendah RM300.

Sokong naik had pendapatan

Ringan belanja bulanan pengguna

Oleh **DEWI ABDUL RAHMAN**

SHAH ALAM - Inisiatif air percuma menerusi Skim Air Darul Ehsan (SADE) memberi kelegaan kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dalam menyerap beban kos sara hidup.

Bagi Kamarul Ariffin Othman, 70, bantuan yang dinikmatinya sejak hampir sedekad lalu sangat bermakna buat keluarganya.

"Skim ini sangat membantu terutamanya kami yang sudah bersara. Dengan naikan had pendapatan dan bantuan lain kerajaan, memang ringan beban rakyat," katanya.

Rosmawati Abdullah, 61, pula menyambut baik langkah melonggarkan syarat kelayakan permohonan kepada isi rumah berpendapatan RM6,000 dan ke bawah bermula September.

"Dah naikan kadar kepada 20 meter padu berbanding dulu hanya 10

meter padu dan syarat pendapatan pun naik. Kalau bil dalam RM60 sebulan, dapat kurangkan belanja sikit," katanya.

Inisiatif 20 meter padu air percuma sebulan itu turut dihargai generasi muda seperti Ruggayah Mohamad Nazari Kusmajaya, 38, lantaran ia memberi manfaat kepada anak yang menyara ibu bapa.

"Kami adik-beradik bantu bayarkan bil air mak. Dengan skim

ini, beban jadi ringan. Ramai keluarga dapat manfaat, yang layak patut mohon," katanya.

Mohd Azly Izuddin, 31, menyifatkan inisiatif ini sebagai langkah yang adil dan patut dimanfaatkan semua.

"Tahu air percuma daripada media sosial. Manfaat semua orang boleh nikmati. Sebelum ini RM5,000, sekarang RM6,000. Saya akan mohon, ia

sangat membantu rakyat," ujarnya.


Warga emas, Harith Abdul Majid, 72, menyifatkan langkah itu bukti keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap kebajikan asas rakyat.

"Kami keluarga besar, kadang bil sampai RM180. Tapi dengan subsidi, alhamdulillah, memang sangat membantu," katanya.

Kerajaan Selangor mengumumkan had pendapatan isi rumah yang layak menerima SADE daripada RM5,000 naik kepada RM6,000 sebulan bermula September ini.

Peluasan manfaat RM13 sebulan bagi setiap akaun diikhtiarkan susulan kenaikan tarif air yang diluluskan Putrajaya untuk Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan sebelum ini.

Warga Selangor berpendapatan RM6,000 sebulan dan memerlukan bantuan air percuma boleh layari pautan www.airselangor.com/residential/skim-air-darul-ehsan/ untuk pendaftaran mulai 8 Ogos.



Sebar penerangan guna WhatsApp

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor memanfaatkan aplikasi WhatsApp bagi menerangkan pelarasan tarif air baharu kepada penduduk bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham.

ADN Lembah Jaya Syed Ahmad Abdul Rahman Alhadad berkata pihaknya bekerjasama dengan pemimpin komuniti di lima zon bagi menyampaikan maklumat serta membuka ruang soal jawab melalui kumpulan WhatsApp.

"Dari segi maklum balas, ada yang

marah dengan melihat akan ada kenaikan tetapi apabila kita menjelaskan ia disebabkan keadaan sistem kewangan terkait dengan inflasi, baru mereka faham.

"Saya akan terus mempergiat promosi inisiatif Skim Air Darul Ehsan (SADE) buat penduduk yang belum mendaftar kerana kuota masih belum penuh," katanya.

Mengambil pendekatan serupa, wakil rakyat Kota Kemuning, S Prea-

kas memaklumkan pusat khidmatnya mengedar infografik dan maklumat berkaitan tarif baharu bagi menjelaskan objektif serta manfaat pelarasan tersebut.

Wakil rakyat Teratai Yee Jia Haur berkata pihaknya akan menganjurkan sesi penerangan khas dengan kerjasama Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd selepas sambutan Hari Malaysia yang menumpukan kesedaran pengguna untuk tidak membazir.



Tengku Amir Shah berkenan menyampaikan anugerah kepada pemenang sempena Malam Anugerah Platform Selangor 2025 di Hotel Whyham Acmar, Klang pada 1 Ogos. Foto FIKRI YUSOF

Jualan PLATS cecah RM15 juta

Bimbingan digital bantu peniaga

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

KLANG - Usahawan Platform Selangor (PLATS) mencatat transaksi jualan kira-kira RM15 juta sepanjang tahun lalu hingga kini hasil penglibatan dalam medium pemasaran dan saluran digital.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata nilai itu direkod hasil transaksi bazar Ramadan PLATS dengan RM8 juta, selebihnya dalam pelbagai medium jualan lain.

Menurut Ahmad Azri Zainal Nor, kejayaan itu hasil bimbingan berstruktur termasuk pendigitalan niaga, sokongan teknologi seperti sistem Point-of-Sale dan medium pembayaran tanpa tunai.

"Bimbingan ini membantu usahawan meningkatkan kecekapan operasi, mengukuhkan kehadiran dalam talian serta memperluas capaian pasaran dengan lebih strategik," katanya lagi.

Bercakap sempena Malam Anugerah Platform Selangor 2025 di sini pada 1 Ogos, beliau berkata seramai 100,000

usahawan mikro di Selangor disasar menyertai PLATS menjelang akhir tahun ini.

"Kalau ikut sasaran, tahun ini kita sasar 50,000 sertai PLATS dan kini melepasi sasaran pun. Baru-baru ini, Dato' Menteri Besar memberi cabaran supaya tahun ini cuba capai 100,000.

"Jadi, kita ada beberapa bulan untuk kami capai. Saya percaya dengan bantuan rakan strategik, kita mampu capai sasaran," katanya yang menjelaskan 88,000 peniaga menyertai PLATS setakat ini.

Sijil halal yakinkan pelanggan

SHAH ALAM - Pensijilan halal membantu peserta Program Latihan Pembangunan Usahawan Platform Selangor (U-PLATS) mengembangkan perniagaan, membina keyakinan pelanggan dan menembusi pasaran termasuk peringkat antarabangsa.

Usahawan muruku, udang geragau dan nanas, Faizah Burok, 55, menyifatkan penyertaannya dalam PLATS menjadi titik perubahan besar dalam perniagaan yang diusahakannya sejak 2012.

"Dengan PLATS, urusan dapat sijil

halal lebih mudah. Bila ada pengikhtirafan itu, pelanggan lebih yakin dan tempahan meningkat," katanya yang mengeksport produknya ke Perancis.

Faizah antara empat penerima Anugerah Peserta Terbaik U-PLATS Halal atas kejayaan memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang disampaikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku



Amir Shah.

Turut hadir dalam program berkenaan, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Keusahawanan Najwan Halimi pada 1 Ogos.

Roselinda Nurul Shuhada Mohd Amin, 50, yang turut menerima anugerah sama mengakui pensijilan halal memberi nilai tambah kepada produknya sekali gus meningkatkan kepercayaan pengguna.

"Dahulu masa promosi, ada pelanggan ragu-ragu. Tapi selepas ada sijil halal, promosi lebih lancar dan pelanggan lebih yakin," katanya yang menyertai bengkel dan latihan PLATS.

Selesai halangan projek atasi bah

SEPANG - Kerajaan Negeri menyelaras gerak kerja bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi lain bagi mempercepat pelaksanaan projek tebatan banjir terutama di kawasan titik panas.

Menurut EXCO infrastruktur, tumpuan terarah kepada mencari penyelesaian melalui pelan konkrit bagi menangani isu yang memperlambatkan pembinaan projek selain meninjau kawasan kritikal.

"Kita mendapati keadaan jalan, longkang dan utiliti menjadi halangan kelancaran bina projek yang perlu peruntukan tambahan segera," kata Dato' Ir Izham Hashim baru-baru ini.

Katanya, dana sehingga RM600 juta disediakan bagi pelaksanaan lebih 50 projek mengatasi bah yang giat dilaksana di kawasan seperti Sijangkang, Kuala Selangor, Petaling dan Sepang.

Galak pelajar amal kitar semula

AMPANG JAYA - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menganjurkan Pertandingan Kitar Semula peringkat sekolah bagi menggalakkan amalan kitar semula dalam kalangan pelajar.

Menurut MPAJ, penganjuran dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pendidikan serta Fraser & Neave Holdings Bhd itu menawarkan hadiah keseluruhan melebihi RM24,000.

"Tiga kategori dipertandingkan iaitu kategori barangan kitar semula, sisa elektronik (e-waste) dan minyak masak terpakai. Kutipan akan dilaksana MPAJ secara mingguan dan ganjaran diberi semasa kutipan."

Maklumat lanjut hubungi Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan MPAJ di talian 03-4285 7390 atau layari www.mpaj.gov.my

Bantu pembangunan sukan, pendidikan

SHAH ALAM - Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) menyerahkan sumbangan sebanyak RM78,000 kepada beberapa kumpulan dan individu bagi memperkasa pembangunan sukan serta pendidikan.

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor memberitahu siri sumbangan berkenaan membuktikan kemampuan ekonomi negeri sekali gus membantu pelbagai pihak untuk mencapai kejayaan.

"Mereka membuat permohonan selepas melihat beberapa atlet dibantu. Kita lihat mereka ada potensi dan boleh sumbang kejayaan, justeru kita bantu mereka," katanya pada 31 Julai.

Antara penerima adalah pasukan e-sukan Monster Vicious, atlet tinju Aiman Hisyam Abu Bakar dan wakil negara ke pertandingan Robotik Antarabangsa, Aleia Ameena.

Sasar bina 200,000 rumah mampu milik **2**

Bimbingan digital bantu peniaga **15**

Pembeli terima semula bayaran prinsipal **2**

Kosongkan premis haram sebelum 2 Sept **14**

Tajaan RM1.75 juta operasi interceptor **14**

selangorkini

Acara menarik Festival Batu Laut

SUBANG JAYA - Edisi kedua Festival Selangor@Batu Laut selama tiga hari di Kuala Langat pada September menyasar lebih 100,000 pengunjung, kata EXCO kebudayaan.

Borhan Aman Shah berkata program tersebut menampilkan gabungan persembahan kepelbagaian kaum, sukan rakyat, selain pasar dan jualan pelbagai barangan pada harga berpatutan bagi menggamit pelancong.

"Saya dimaklumkan jalan juga akan ditutup untuk persembahan gemilang," katanya kepada Media Selangor pada 2 Ogos.

Menjelaskan 68,000 pengunjung hadir tahun lalu membabitkan jualan RM1.8 juta, Borhan berkata acara mulai 5 September itu dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Saran jemaah buat persediaan awal haji

SHAH ALAM - Bakal jemaah dalam giliran musim haji 1447H/2026M diingatkan membuat persediaan awal, terutama dari segi pengemaskinian maklumat peribadi, kesihatan, kewangan, pengurusan diri dan ilmu berkaitan fardu ain serta ibadat haji.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji (TH) Mustakim Mohamad berkata ibadat rukun Islam kelima itu memerlukan persediaan rapi bagi memastikan kemampuan menunaikannya dipenuhi.

"Langkah proaktif itu selaras usaha berterusan TH dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada jemaah haji Malaysia dan semakan giliran haji boleh dibuat menerusi platform THIJARI atau di mana-mana pejabat cawangan TH seluruh negara."

Mohon sijil Sirim pengecas EV

SHAH ALAM - Pemilik pengecas kenderaan elektrik (EV) dalam rumah (mod 2) dan pangsapuri (mod 3) digesa memohon kelulusan keselamatan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

Ketua Seksyen Pensijilan dan Pemeriksaan Elektrikal & Elektronik Sirim QAS International berkata pengecas EV mod 2 dan 3 antara produk yang disenarai Suruhanjaya Tenaga perlu mendapat pensijilan keselamatan.

Norazlan Shah Nordin menjelaskan penggunaan kedua-dua mod pengecas itu perlu mendapatkan kelulusan kerana ia dipasang di rumah sekali gus memerlukan tahap keselamatan lebih baik.

"Bagi pengecas mod 4 yang sedia ada di kebanyakan stesen minyak tidak diwajibkan dapat kelulusan SIRIM, tapi banyak permohonan kami terima daripada pemiliknya kerana rasa tanggungjawab keselamatan."



SEMANGAT... Aksi pemain Selangor FC ketika sesi latihan terakhir di Shah Alam pada 4 Ogos menjelang perlawanan Piala Sumbangsih menentang Johor Darul Ta'zim. Foto Facebook Selangor FC

Rumah berisiko terbakar akibat litar pintas

Majoriti guna kabel tanpa lulus Sirim

Oleh **NADIAH ZAMLUS**

SHAH ALAM - Lebih 80 peratus pemilik rumah yang mengubah suai kediaman tidak menggunakan kabel elektrik yang diperakui Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

Ketua Seksyen Pensijilan dan Pemeriksaan Elektrikal & Elektronik Sirim QAS International berkata pengguna memilih kabel murah tanpa kelulusan sekali gus rumah berisiko terbakar akibat litar pintas.

"Sebab utama berlaku kerana

pendawai elektrik yang datang ke rumah beri pilihan, hendak (kabel) yang ada Sirim atau tidak. Sepatutnya tidak boleh tiada Sirim, semua mesti ada Sirim.

"Kenapa murah? Sebabnya konduktor dalam kabel dikurangkan. Arus elektrik yang lalu pada kabel bercop Sirim, boleh lalu tanpa sekatan. Jadi perkakas arus tinggi tiada masalah.

"Jika kabel kurang konduktor lama-lama akan panas kemudiannya berlaku 'short' (litar pintas). Apa alat elektrik berarus tinggi? Penyaman udara, mesin air," kata Norazlan Shah Nordin kepada Media Selangor.

Beliau yang menempelak kegiatan juruteknik pendawai elektrik kerana bertindak sedemikian berkata kabel antara 34 kelengkapan elektrik yang memerlukan kelulusan Suruhanjaya Tenaga.

"Tindakan sebegini hanya beri pandangan bahawa ada Sirim mahal, yang tak ada (kelulusan Sirim) murah. Kita patut berfikir rasional kenapa murah dan ada Sirim mahal," katanya lagi.

Pada 17 Jun 2025, seorang pengarah syarikat di Sabah didenda RM6,000 atau dipenjarakan 12 bulan jika gagal membayar denda, atas dua pertuduhan berkaitan kabel elektrik.

Catur acara tambahan SUKMA2026

SHAH ALAM - Empat jenis sukan tambahan iaitu e-sukan, kriket, catur dan kabaddi bakal dipertandingkan pada Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 di Selangor yang dijadual berlangsung dari 15 hingga 24 Ogos tahun depan.

Menteri belia dan sukan berkata Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi SUKMA menetapkan tambahan dua sukan wajib iaitu tinju dan sofbol,

menjadikan 30 sukan wajib dipertandingkan dalam temasya edisi ke-22.

Dengan keseluruhan 34 acara, Hannah Yeoh menjelaskan, mesyuarat sama turut meluluskan penyerahan Brunei Darussalam sementara jenis dan jumlah acara keseluruhan akan ditentukan Jawatankuasa Khas Teknikal SUKMA dalam masa terdekat.

"Mesyuarat EXCO Sukan Negeri-Negeri yang diadakan sebelum

mesyuarat ini juga memutuskan penyertaan kontinjen negeri ke temasya para SUKMA mulai edisi tahun depan di Selangor akan melalui Majlis Sukan Negeri bukan lagi Jabatan Belia dan Sukan," katanya dalam sidang media pada 5 Ogos.

Hannah turut berpuas hati dengan persiapan rapi yang dilakukan Selangor kini mencapai tahap 50 peratus secara keseluruhan.